



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN MEMBAIK PULIH SIVIL, STRUKTUR DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SISIRAN TASIK (PERIPHERAL AREA) PRESINT 1, 5, 6, 8, 10, 16 DAN 17 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN
(NO. TENDER : PPJ/JR/T/0004/2025)

- 1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- 2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BENTUK BAYARAN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred : G5 Kategori : CE Pengkhususan : CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) & CE32 (Kerja Penyelenggaraan Kejuruteraan Awam) Dan Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera	6 Mei 2025 (Selasa) 10:00 pagi Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya (DIWAJIBKAN)	9 Mei 2025 (Jumaat) Sehingga 26 Mei 2025 (Isnin) web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	Ringgit Malaysia RM 100.00 (Tidak dikembalikan) web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	3 Jun 2025 (Selasa) 12:00 tengah hari Kaunter Perolehan, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

- 3. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
- 4. Taklimat tender akan diadakan pada 6 Mei 2025 (Selasa), 10.00 pagi di Panggung Mawar Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah DIWAJIBKAN. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, STB dan Cap Syarikat.
- 5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut.
- 6. Tender ini akan ditutup pada 3 Jun 2025 bersamaan hari Selasa, jam 12:00 tengah hari. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
- 7. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak). Hanya kontraktor yang BERDAFTAR di dalam sistem COINS sahaja dibolehkan untuk membeli dokumen tender. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my / bantuan@coins.ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.